



SIJIL TAKAFUL PELAJARAN

Kandungan

Muka Surat

Bahagian 1	Takrif-Takrif dan Tafsiran-Tafsiran	2
Bahagian 2	Terma-Terma dan Syarat-Syarat	6
Bahagian 3	Kelayakan	12
Bahagian 4	Perlindungan	13
Bahagian 5	Pengecualian-Pengecualian	19
Bahagian 6	Tuntutan-Tuntutan	22

SIJIL TAKAFUL PELAJARAN

BAHAWASANYA pemegang sijil (selepas ini disebut sebagai **Peserta**) sebagaimana dinamakan di dalam Jadual yang dilampirkan (selepas ini disebut sebagai **Jadual**) oleh Isytiharan Cadangan bertulis yang akan menjadi asas kepada perjanjian dan disifatkan sebagai diperbadankan dalam Sijil ini telah memohon kepada Takaful Brunei Keluarga Sdn Bhd (selepas ini disebut sebagai **Syarikat**) untuk menyertai dalam takaful ini dan mengambil pertimbangan daripadanya, telah membayar sumbangan takaful kepada Syarikat sebagaimana yang dinyatakan di dalam Jadual, selaras dengan Undang-Undang Brunei Darussalam.

SIJIL INI SEKARANG MENYAKSIKAN bahawa jika ansuran caruman takaful yang dinyatakan di dalam Jadual telah dibayar kepada Syarikat, Syarikat adalah dengan bukti yang memuaskan bagi Syarikat di atas:

- i. berlakunya kejadian di mana manfaat takaful akan kena dibayar;
- ii. hak seseorang atau orang yang menuntut pembayaran; dan
- iii. tarikh lahir Peserta (sebagaimana dinyatakan di dalam Jadual) jika tarikh lahir itu belum disahkan sebelum ini.

membayar suatu jumlah manfaat takaful (berserta apa-apa keuntungan yang harus dibayar). Dengan ini adalah diperakukan Jadual dan tertakluk kepada terma-terma, pengecualian-pengecualian, peruntukan-peruntukan dan syarat-syarat yang termaktub dalam Sijil atau diendoskan ke atasnya (selepas ini secara rangkuman disebut sebagai Terma-Terma Sijil ini) harus dianggap sebahagian daripada Sijil.

BAHAGIAN 1 :TAKRIF-TAKRIF DAN TAFSIRAN-TAFSIRAN**TAKRIF-TAKRIF:**

Kecuali sebaliknya dikehendaki oleh konteks, takrif-takrif berikut akan digunakan: -

Kemalangan

Bermakna kecederaan tubuh badan yang hanya disebabkan oleh kekerasan, kemalangan, faktor luaran dan Nampak kelihatan dan bukan disebabkan oleh satu-satu sakit, penyakit atau keadaan fizikal dan mental yang merosot.

Perkataan Sijil

Bermakna keseluruhan Sijil yang merangkumi perjanjian asas, cadangan, kenyataan peribadi dan setiap kenyataan yang dibuat oleh Peserta dan semua Perjanjian-Perjanjian Tambahan dan endosmen-endosmen yang tergabung di dalam Jadual atau diendoskan kemudiannya dan semua pindaan-pindaan bertulis yang dibuat oleh Syarikat.

Anak –Anak

Bermakna anak-anak waris sebenar Peserta, belum berkahwin dan berumur harijadi akan datang antara enam (6) bulan hingga tujuh belas (17) tahun. Jika anak-anak tersebut anak angkat yang sah di sisi undang-undang, sijil anak angkat atau apa-apa jenis dokumen rasmi yang sah di sisi undang-undang perlu dikemukakan kepada Syarikat.

Tarikh Kuatkuasa

Bermakna tarikh mula penyertaan atau pembaharuan perlindungan sebagaimana yang dinyatakan di dalam Jadual atau

Sijil Takaful Pelajaran

Sumbangan

Bermakna jumlah wang ansuran caruman takaful yang telah diluluskan oleh Syarikat untuk sumbangan Peserta di dalam Pelan Takaful.

Tarikh Matang

Bermakna tarikh ketika Sijil tamat.

Hospital

Bermakna mana-mana institusi yang beroperasi secara sah di sisi undang-undang, menyediakan khidmat kejururawatan oleh jururawat yang berdaftar dua puluh empat (24) jam sehari, mempunyai seorang atau lebih doktor perubatan sepanjang masa dan menyediakan kemudahan untuk diagnosa dan pembedahan besar, dan bukan semata-mata merupakan sebuah klinik, pusat penempatan penagih arak atau dadah, rumah penjagaan kejururawatan bagi pemulihan atau rumah orang-orang tua atau yang seumpamanya

Penyakit

Bermakna penyakit yang dihidapi dan / atau bermula selepas tiga puluh (30) hari daripada tarikh berkuatkuasa atau tarikh endosmen, mana-mana yang terkemudian.

Kecederaan

Bermakna kecederaan tubuh badan yang disebabkan secara langsung oleh kemalangan yang tidak disengajakan dan bebas daripada sebab-sebab lain, yang mana, kecuali bagi kejadian lemas atau kecederaan dalam yang dimaklumkan oleh bedahsiasat, terdapat bukti yang dapat dilihat sama ada lebam atau luka pada anggota luar.

Peserta

Bermakna Pemilik dan Pembayar yang menyertai pelan takaful ini.

Akaun Peserta (AP) atau Dana Pelaburan Peserta (DPP)

Bermakna akaun atau dana yang mana sebahagian daripada Sumbangan Peserta itu akan dikreditkan untuk simpanan dan pelaburan.

Akaun Khas Peserta (AKP) atau Dana Risiko Peserta (DRP)

Bermakna akaun atau dana yang mana Sumbangan Peserta itu akan dikreditkan untuk risiko sahaja.

Tempoh Takaful

Bermakna tempoh takaful sebagaimana yang dinyatakan di dalam Jadual, termasuk juga apa-apa pemanjangan jangka waktu perlindungan yang mungkin diberikan di atas budi bicara pihak Syarikat.

Orang yang Dilindungi

Bermakna seperti yang ditakrifkan di bawah Bahagian 3: Kelayakan.

Doktor

Bermakna seorang yang mempunyai kelayakan dan berdaftar sebagai pengamal perubatan yang berlesen di bawah mana-mana undang-undang yang berkaitan dan bekerja di dalam ruang lingkup lesen dan latihannya sahaja. Doktor yang merawat hendaklah bukan majikan, pekerja, ejen Peserta atau rakan perniagaan Peserta, atau orang yang mempunyai pertalian persaudaraan dengan Peserta dari segenap segi.

Keadaan-Keadaan Sedia Ada

Bermakna kecederaan, penyakit, keadaan atau gejala:

Sijil Takaful Pelajaran

- (a) yang mana rawatan atau perubatan atau nasihat atau diagnosa penyakit telah dilakukan atau diterima atau dijangka sebelum Sijil berkuatkuasa bagi Orang yang Dilindungi berkenaan, atau
- (b) yang mana berasal dari atau Orang yang Dilindungi itu tahu akan kewujudannya (atau sesiapa sahaja yang dilindungi di bawah Sijil) sebelum daripada Sijil berkuatkuasa sama ada atau tidak rawatan atau perubatan atau nasihat atau diagnosa penyakit telah dilakukan atau diterima.

Jadual

Bermakna Jadual Sijil ini dan maklumat yang mengandungi butiran Peserta, Manfaat Asas dan Tambahan jika ada, Sumbangan, dan Tempoh Takaful.

Jumlah Perlindungan

Bermakna jumlah maksima manfaat yang dibayar oleh Syarikat.

Perjanjian-Perjanjian Tambahan

Bermakna manfaat tambahan atau perlindungan kepada Sijil Asas untuk Sumbangan tambahan yang diluluskan oleh Syarikat dan hanya berkuatkuasa apabila digabungkan bersama Jadual atau diendoskan kemudiannya dan apabila ianya bergabung atau diendoskan ia menjadi sebahagian daripada Sijil.

Pasangan

Bermakna suami atau isteri Peserta yang berumur harijadi akan datang antara lapan belas (18) hingga enam puluh lima (65) tahun.

Tabarru'

Bermakna satu komitmen oleh semua Peserta takaful untuk menderma di dalam satu dana atau satu kumpulan wang bagi tujuan sama-sama menanggung risiko kerugian.

Keilatan Kekal Seluruh Tubuh Badan

Bermakna keilatan, sama ada disebabkan oleh kecederaan tubuh badan atau penyakit, yang menghalang sama sekali Peserta daripada melibatkan diri dalam apa-apa jenis perniagaan atau pekerjaan atau menjalankan apa-apa tugas bagi memperoleh upah atau keuntungan dengan syarat bahawa untuk menentukan sama ada Keilatan Seluruh Tubuh Badan itu menjadi kekal, keilatan tersebut mestilah berterusan tanpa gangguan bagi selama tempoh tidak kurang enam (6) bulan.

Kehilangan kedua tangan, atau kedua kaki, atau satu tangan dan satu kaki, atau kedua belah mata adalah disifatkan sebagai keilatan menyeluruh dan kekal, tanpa menimbulkan prasangka kepada sebab-sebab lain mengenai Keilatan Kekal Seluruh Tubuh Badan. Kehilangan bagi tangan dan kaki bererti putus pada atau di pergelangan tangan dan buku lali kaki; bagi mata, hilang daya penglihatan sepenuhnya dan tidak dapat dipulihkan semula.

Tempoh Menunggu

Bermakna tempoh tiga puluh (30) hari daripada tarikh berkuatkuasa / endosmen. Tiada manfaat disebabkan oleh penyakit yang berlaku semasa tempoh tersebut akan dibayar.

Wasi atau Penerima Hibah

Bermakna orang atau orang-orang yang dinamakan oleh Peserta pada borang Wasi atau Hibah kecuali diubah kemudiannya sebagaimana ditetapkan dalam Fasal Penukaran Wasi atau Hibah, untuk bertindak sebagai pemegang amanah (wasi) atau Penerima Hibah untuk menerima manfaat jika Peserta meninggal dunia.

Sijil Takaful Pelajaran

Penerima Manfaat (Penama)

Penerima Manfaat adalah orang yang dinamakan oleh peserta sebagai Penerima Manfaat Takaful setelah kematiannya sebelum tarikh mansuh/matang Sijil ini.

TAFSIRAN-TAFSIRAN

1. Kecuali apabila konteksnya memberi erti berbeza, setiap rujukan Sijil ini untuk jantina lelaki juga memberi erti untuk jantina perempuan, jantina berkecuali dan sebaliknya.
2. Tajuk-tajuk adalah untuk memudahkan rujukan sahaja dan ia tidak menjejaskan pembinaan dan tafsiran Sijil ini.
3. Perkataan-perkataan yang menunjukkan kepada bentuk satu adalah merangkumi juga bentuk jamak dan sebaliknya.
4. Rujukan kepada individu merangkumi juga koperasi-koperasi, syarikat-syarikat, firma-firma, perkongsian, badan-badan korporat, badan-badan bukan korporat atau mana-mana agensi atau badan negara atau kerajaan.
5. Di mana ada dua (2) orang atau lebih terangkum di dalam apa-apa istilah yang digunakan di sini, semua persetujuan-persetujuan, terma-terma, ketetapan-ketetapan, peraturan-peraturan, ketentuan-ketentuan dan jaminan- jaminan yang terkandung di sini dianggap dibuat oleh dan mengikat orang-orang tersebut secara bersama.
6. Rujukan-rujukan kepada Fasal-Fasal dan Jadual-Jadual kecuali dinyatakan sebaliknya harus ditafsirkan sebagai rujukan kepada Fasal-Fasal dan Jadual-Jadual Sijil ini.
7. Kecuali apabila konteksnya menghendaki sebaliknya, atau dinyatakan secara nyata, setiap rujukan kepada mana-mana “undang-undang, penggubalan (undang-undang), statut atau peraturan-peraturan”, ianya bererti, “undang-undang, penggubalan, statut atau peraturan-peraturan” Brunei Darussalam yang berkuatkuasa kini dan termasuk juga undang-undang awam (*common law*) atau adat, mana-mana undang-undang perlembagaan, perintah, penghakiman, penggubalan, perintah, ordinan, peraturan, statut, perjanjian atau ukuran perundangan yang lain, atau perintah masa kini atau masa hadapan, keperluan kepada peraturan-peraturan, keperluan (dalam setiap kes, sama ada wujud penguatkuasaan undang-undang atau tidak tetapi jika tiada penguatkuasaan undang-undang, kesesuaian dengan amalan perseorangan kepada orang yang ditujukan perintah-perintah, peraturan-peraturan, permintaan arahan, atau syarat-syarat tersebut).
8. Kecuali jika dinyatakan sebaliknya, semua rujukan kepada sebuah waktu dalam hari adalah dirujuk kepada waktu Brunei.
9. Semua rujukan kepada penggubalan (undang-undang), statut-statut dan peraturan-peraturan merangkumi juga semua pindaan-pindaan dan penggantian-penggantian yang mungkin dikuatkuasakan dari masa ke semasa.
10. Jadual ini merupakan bahagian yang tidak terpisah daripada Sijil ini dan harus diambil, dibaca dan ditafsirkan sebagai bahagian yang perlu dalam Sijil ini.
11. Setiap kebebasan, kuasa, hak, pilihan atau budi bicara yang boleh dilaksanakan atau penentuan yang mungkin dibuat oleh Syarikat dapat dilaksanakan, atau dibuat dengan budi bicara Syarikat secara mutlak dan Syarikat tidak mempunyai tanggungjawab untuk memberi apa-apa alasan sekalipun.

BAHAGIAN 2: TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT**1. TEMPOH BERTENANG**

Jika Peserta mendapati bahawa Sijil tidak memenuhi kehendaknya, Peserta bolehlah mengembalikan Sijil dalam tempoh empat belas (14) hari daripada tarikh bermulanya Sijil. Dalam keadaan sedemikian, dengan syarat tiada tuntutan dibuat sepanjang tempoh Sijil berjalan, Peserta berhak bagi pengembalian penuh sumbangan yang telah dibayar tanpa keuntungan ditolak perbelanjaan perubatan yang ditanggung oleh syarikat bagi mempertimbangkan permohonannya.

2. PERJANJIAN

Sijil ini, Jadual dan mana-mana endosmen kepada Sijil atau Jadual hendaklah dibaca bersama, dan mana-mana perkataan atau ungkapan di mana makna yang khas telah diberikan di mana-mana bahagian Sijil ini atau Jadual adalah mempunyai makna yang sama di mana-mana ianya terdapat.

3. PRASARAT KEPADA TANGGUNGAN

Pematuhan dan pelaksanaan kepada terma-terma, peraturan-peraturan dan endosmen-endosmen Sijil ini setakat mana yang berkaitan dengan apa-apa yang perlu dilakukan atau dipatuhi oleh Peserta dan kebenaran pernyataan-pernyataan dan jawapan-jawapan di dalam Borang Cadangan dan Akuan hendaklah merupakan prasyarat kepada apa-apa tanggungan Syarikat bagi membuat apa-apa bayaran di bawah Sijil ini.

Sebagai tambahan Orang yang Dilindungi mestilah memberi kerjasama sepenuhnya kepada Syarikat dan juga penasihat-penasihat perubatan Syarikat dan akan memberikan semua butiran dan hal-hal yang diketahui atau patut diketahui oleh Orang yang Dilindungi dengan sepenuhnya dan sejujurnya, dan akan jika dipinta melaksanakan mana-mana dokumen untuk memberi kuasa kepada Syarikat untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan, atas perbelanjaan Orang yang Dilindungi, dari mana-mana Doktor atau Hospital atau dari sumber yang lain.

4. FAKTA TIDAK DIDEBAHKAN

Jika terbukti adanya salah penakrifan atau fakta yang tidak didedahkan, Sijil ini akan hilang sahlaku dan Syarikat tidak akan bertanggung jawab untuk membayar manfaat takaful.

5. BUKTI UMUR

Syarikat berhak pada bila-bila masa meminta umur mana-mana Orang yang Dilindungi di bawah Sijil ini yang mana ianya hendaklah dibuktikan memuaskan.

Bukti umur Orang yang Dilindungi yang memuaskan Syarikat adalah dikehendaki sebelum apa-apa manfaat baginya dibayar di bawah Sijil ini.

Sijil Takaful Pelajaran

6. PERUBAHAN PADA SIJIL

Sijil ini, boleh pada bila-bila masa, dipinda dan diubah, melalui permintaan secara bertulis oleh Peserta dan dipersetujui oleh Syarikat, tetapi apa-apa pindaan adalah tanpa prasangka kepada mana-mana tuntutan yang timbul sebelum tarikh perubahan tersebut dan tertakluk kepada syarat-syarat dan peruntukan-peruntukan yang akan ditetapkan oleh Syarikat.

Tiada pindaan Sijil ini akan dikira sah kecuali dibuktikan melalui endosmen yang ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa dari Syarikat.

7. TIADA PENYERAHAN HAK

Manfaat di bawah Sijil ini tidak boleh diserahkan hak.

8. KEADAAN-KEADAAN KESIHATAN YANG SEDIA WUJUD

Tiada Manfaat yang kena dibayar di bawah Sijil ini bagi perlindungan Peserta atau mana-mana Orang yang Dilindungi akibat daripada penyakit atau kecederaan yang berlaku sebelum berkuatkuasa Sijil ini kecuali keadaan tersebut telah pun diisytiharkan semasa cadangan dan tidak dikecualikan di dalam Sijil ini.

9. SALAH MELAPORKAN UMUR

Sekiranya, pada umur betul, Peserta adalah sepatutnya tidak layak bagi perlindungan di bawah Sijil ini, tiada manfaat yang kena dibayar.

10. HIBAH

Pelan ini mengamalkan konsep yang dikenali sebagai konsep hibah, yang merupakan pemberian Sijil daripada Peserta kepada Penerima Hibah. Hanya Peserta berhak untuk membatalkan atau menyerahkan Sijil ini pada bila-bila masa.

11. PERTUKARAN WASI

Peserta boleh, dengan notis bertulis kepada Syarikat, membatalkan perlantikan Wasi yang telah dinamakan, dan melantik Wasi atau Wasi-Wasi lain dengan atau tanpa hak menolak atau pelantikan baru, dan dalam hal demikian perubahan akan dianggap berkuatkuasa daripada tarikh notis diterima oleh Syarikat.

12. PEMBAYARAN ASURAN TAKAFUL

Ansuran caruman takaful seperti yang dinyatakan dalam Jadual, yang kena dibayar oleh peserta akan dibahagi dan dikreditkan ke dalam Akaun-Akaun berikut:

- (i) Peratus daripada caruman takaful seperti yang dinyatakan dalam Jadual akan dikreditkan ke dalam Akaun Peserta atau Dana Pelaburan Peserta di dalam Kumpulan Wang Takaful Keluarga untuk simpanan dan pelaburan. Tiada manfaat takaful akan dibayar daripada Akaun ini;

Sijil Takaful Pelajaran

- (ii) Peratus daripada caruman takaful seperti yang dinyatakan dalam Jadual akan dikreditkan ke dalam Akaun Khas Peserta atau Dana Risiko Peserta di dalam Kumpulan Wang Takaful Keluarga untuk risiko sahaja. Peserta adalah bersetuju menyumbangkan bahagian caruman takaful ini dan keuntungannya untuk dikreditkan ke dalam Akaun Khas Peserta atau Dana Risiko Peserta sebagai tabarru' bagi tujuan perpaduan dan persaudaraan di antara Peserta-Peserta tertakluk kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat yang dinyatakan dalam Sijil. Manfaat Takaful akan dibayar daripada Akaun ini.
- (iii) Sumbangan tambahan untuk Perjanjian-Perjanjian Tambahan akan dikreditkan ke dalam Kumpulan Wang Takaful Keluarga Berkelompok/ Dana Risiko Peserta Takaful Keluarga Berkelompok sebagai tabarru' untuk tujuan perpaduan dan persaudaraan di antara peserta tertakluk kepada terma dan syarat yang dinyatakan di sini. Manfaat takaful akan dibayar daripada Akaun ini.

13. PELABURAN CARUMAN TAKAFUL

(i) Akaun Peserta/Dana Pelaburan Peserta dan Akaun Khas Peserta/Dana Risiko Peserta

Syarikat akan melaburkan caruman takaful yang dibayar oleh Peserta ke dalam Kumpulan Wang Takaful Keluarga mengikut hukum Syariah. Apa-apa keuntungan yang diperolehi daripada pelaburan bagi setiap bulan akan dibahagikan mengikut prinsip Al-Mudharabah berdasarkan nisbah berikut:-

- (a) 70% akan dikreditkan ke dalam Akaun Peserta/Dana Pelaburan Peserta dan Akaun Khas Peserta/Dana Risiko Peserta mengikut nisbah jumlah wang di dalam Akaun-Akaun tersebut; dan
- (b) 30% akan dibayar kepada Syarikat.

(ii) Kumpulan Wang Takaful Keluarga Berkelompok/Dana Risiko Peserta Takaful Keluarga Berkelompok

Sekiranya pada ulangtahun sijil sebagaimana yang dinyatakan di dalam Jadual, Kumpulan Wang Takaful Keluarga Berkelompok/Dana Risiko Peserta Takaful Keluarga Berkelompok memperoleh lebih, maka lebih ini akan dibahagikan di antara para Peserta dan Syarikat berdasarkan kepada prinsip Al-Mudharabah mengikut nisbah 50% kepada Peserta dan 50% kepada Syarikat seperti yang diperuntukkan dalam Borang Cadangan dan Akuan, dengan syarat Peserta tidak membuat tuntutan dan/atau menerima apa-apa manfaat di bawah Sijil ini dalam tempoh ia berkuatkuasa.

14. PRINSIP TABARRU', MUDHARABAH DAN PEMBAHAGIAN LEBIHAN BERSIH KEUNTUNGAN

i. Akaun Peserta/Dana Pelaburan Peserta

Al-Mudharabah

Peserta dengan ini bersetuju bahawasanya peratus dari caruman Takaful seperti di nyatakan dalam Jadual dikreditkan ke Akaun Peserta/Dana Pelaburan Peserta sebagai simpanan bagi tujuan Syarikat mentadbir, menguruskan dan melaburkannya mengikut cara-cara yang difikirkan sesuai oleh Syarikat serta menepati prinsip Syariah. Di atas pertimbangan ini, Peserta berhak menerima keuntungan daripada pelaburan ansuran caruman, jika ada, dengan nisbah 70% kepada Peserta dan 30% kepada Syarikat.

Sijil Takaful Pelajaran

ii. Akaun Khas Peserta/Dana Risiko Peserta

Tabarru`

Peserta dengan ini mengamanahkan kepada Syarikat bahawasanya peratus daripada sumbangan Takaful seperti yang dinyatakan dalam Jadual akan didermakan ke dalam Akaun Khas Peserta/Dana Risiko Peserta di dalam Kumpulan Wang Takaful Keluarga secara *Tabarru`* bagi tujuan membantu peserta-peserta yang layak di dalam Sijil Takaful. Mana-mana keuntungan yang diperolehi daripada pelaburan tabarru` di dalam satu-satu bulan akan dikreditkan semula ke dalam Kumpulan Wang tersebut.

Al-Mudharabah

Peserta dengan ini bersetuju bahawasanya bahagian tabaru` dari caruman Takaful dikreditkan ke Akaun Khas Peserta/Dana Risiko Peserta sebagai bahagian risiko bagi membantu peserta-peserta yang layak di dalam Sijil Takaful dimana Syarikat juga mentadbir, menguruskan dan melaburkannya mengikut cara-cara yang difikirkan sesuai oleh Syarikat serta menepati prinsip Syariah. Di atas pertimbangan ini, Peserta berhak menerima keuntungan daripada pelaburan ansuran caruman, jika ada, dengan nisbah 70% kepada Peserta dan 30% kepada Syarikat.

Pembahagian Lebih Bersih Keuntungan

Peserta juga memahami bahawa lebih bersih keuntungan yang terhasil dari Akaun Khas Peserta/Dana Risiko Peserta di dalam Kumpulan Wang Takaful Keluarga seperti yang dinyatakan dalam penilaian terakhir oleh Syarikat, hanya akan diberikan kepada Sijil-Sijil Matang.

iii. Kumpulan Wang Takaful Keluarga Berkelompok/Dana Risiko Peserta Takaful Keluarga Berkelompok

Tabarru`

Peserta dengan ini mengamanahkan kepada Syarikat bahawasanya semua sumbangan Takaful Peserta akan didermakan ke dalam Kumpulan Wang Takaful Keluarga Berkelompok/Dana Risiko Peserta Takaful Keluarga Berkelompok secara *Tabarru`* bagi tujuan membantu peserta-peserta yang layak di dalam Sijil ini.

Pembahagian Lebih Bersih Keuntungan

Sekiranya pada akhir tempoh Takaful sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual, Kumpulan Wang Takaful Berkelompok/Dana Risiko Peserta Takaful Keluarga Berkelompok memperoleh lebih, maka lebih ini akan dibahagikan di antara para Peserta dan Syarikat berdasarkan kepada prinsip Al- Mudharabah mengikut nisbah 50% kepada Peserta dan 50% kepada Syarikat dengan syarat Peserta tidak membuat tuntutan dan/atau menerima apa-apa manfaat di bawah Sijil ini dalam tempoh ia berkuatkuasa.

15. TEMPOH MENJELASKAN BAYARAN

- (i) Bayaran ansuran caruman takaful secara tahunan, setengah tahunan atau suku tahunan akan diberi tempoh untuk dijelaskan selama tiga puluh (30) hari, dan tempoh untuk menjelaskan bayaran ansuran caruman takaful secara bulanan

Sijil Takaful Pelajaran

ialah lima belas (15) hari. Resit akan dikeluarkan oleh Syarikat bagi bayaran tersebut. Sekiranya Peserta meninggal di dalam tempoh menjelaskan bayaran tersebut, maka ansuran caruman takaful yang belum dijelaskan itu akan ditolak daripada manfaat takaful.

- (ii) Jika ansuran caruman takaful tidak dibayar dalam tempoh menjelaskan bayaran, Peserta adalah disifatkan sebagai telah menyerahkan Sijil.

16. PENYERAHAN SIJIL

Dalam keadaan-keadaan yang tidak dapat dielakkan, Peserta yang menyerahkan Sijil sama ada melalui penguatkuasaan Fasal 15 (ii) di atas atau atas pilihannya sendiri, harus bersetuju untuk melepaskan semua baki wang di dalam Akaun Khas Peserta/Dana Risiko Peserta dan Kumpulan Wang Takaful Keluarga Berkelompok/Dana Risiko Peserta Takaful Keluarga Berkelompoknya sebagaimana yang dinyatakan dalam Fasal 12(ii) and 12(iii) di atas.

17. PENGELUARAN SEBAHAGIAN

Peserta boleh memilih untuk mengeluarkan sebahagian dari jumlah terkumpul di Akaun Peserta/Dana Pelaburan Peserta dengan syarat Sijil telah berkuatkuasa selama dua (2) atau lebih tahun dari tarikh kuatkuasa Sijil dan tiada ada pembayaran tertunggak. Jika ada pembayaran tertunggak, Peserta harus bersetuju untuk membayar bayaran tertunggak dahulu.

Bagi setiap Sijil Takaful, hanya lima (5) kali pengeluaran dibenarkan sepanjang tempoh Sijil Takaful di mana tempoh minima antara setiap pengeluaran adalah selang dua (2) tahun.

Jumlah maksima bagi pengeluaran sebahagian adalah tertakluk kepada berapa tahun berkuatkuasanya Sijil.

Pengeluaran Sebahagian akan mengurangkan jumlah serahan dan matang Sijil.

18. BAYARAN PERKHIDMATAN

Jika sekiranya Sijil ini diendoskan, diserahkan atau dikeluarkan sebahagian, Syarikat akan mengenakan bayaran BND30.00 untuk setiap Sijil. Tiada bayaran perkhidmatan dikenakan bagi Sijil Peserta yang diserahkan dalam tempoh bertenang. Syarikat berhak dengan budi bicara mutlaknya untuk menyemak bayaran perkhidmatan pada bila-bila masa dan akan melakukan usaha yang munasabah untuk memaklumkan kepada Peserta mengenai semakan tersebut.

19. PEMBAYARAN SEMASA TEMPOH MATANG

Apabila Sijil ini matang sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual, Peserta akan menerima semua baki daripada Akaun Pesertanya dan apa-apa pembahagian lebihan, jika ada, daripada Akaun Khas Peserta/Dana Risiko Pesertanya seperti yang dinyatakan dalam penilaian terakhir oleh Syarikat.

20. TIMBANGTARA

Pihak-Pihak berkenaan hendaklah berusaha sedaya upaya untuk menyelesaikan secara damai dengan melakukan perundingan tidak formal secara langsung bagi setiap perselisihan antara mereka berdasarkan atau berhubungkait dengan Sijil ini. Jika sekiranya Pihak-Pihak tersebut tidak dapat menyelesaikan perselisihan secara damai dalam masa tiga puluh (30) hari waktu bekerja dari tarikh perselisihan tersebut timbul, sama ada salah satu Pihak menghendaki agar perselisihan tersebut dirujuk untuk

Sijil Takaful Pelajaran

diselesaikan oleh pihak timbangtara, mengikut peruntukan Perintah Timbangtara, 2009. Pihak Tribunal timbangtara hendaklah terdiri daripada satu penimbangtara tunggal, orang tersebut hendaklah disepakati di antara Pihak-Pihak tersebut, atau jika gagal, akan dicalonkan sesuai dengan Perintah Timbangtara, 2009. Peraturan Timbangtara yang digunapakai adalah Peraturan Timbangtara UNCITRAL. Tempat duduk dan tempat timbangtara adalah Negara Brunei Darussalam, dan bahasa timbangtara adalah Bahasa Inggeris. Semua hak dan kewajipan Pihak-Pihak berkenaan di bawah Perjanjian ini akan terus berkuatkuasa sepenuhnya sehingga menunggu keputusan akhir dari timbangtara tersebut. Sebarang rujukan kepada timbangtara di bawah klausa ini akan menjadikannya satu penyerahan kepada timbangtara di dalam maksud Perintah Timbangtara, 2009 yang pada masa ini berkuatkuasa di Negara Brunei Darussalam.

21. APABILA BERLAKU PENIPUAN

Jika mana-mana tuntutan, dalam mana-mana keadaan, didapati palsu atau berlaku penipuan atau cara penipuan atau alatan yang digunakan oleh Peserta atau Orang yang Dilindungi atau sesiapa juga yang melakukannya bagi pihak mereka untuk mengaut manfaat, maka perlindungan untuk Orang yang Dilindungi akan dibatalkan serta-merta dan kesemua manfaat dan sumbangan akan dirampas.

22. TAKAFUL SEMULA (INSURANS SEMULA)

Syarikat boleh mengikut budi bicaranya, mendapatkan perlindungan takaful semula (insurans semula) daripada mana-mana sumber yang difikirkan sesuai bagi kepentingan Peserta.

Sijil Takaful Pelajaran

BAHAGIAN 3: KELAYAKAN

Pada tarikh kuatkuasa perlindungan, Orang yang Dilindungi hendaklah:

1. Orang Dewasa berumur Harijadi Akan Datang lapan belas (18) dan ke atas dan Sijil hendaklah matang sebelum umur enam puluh lima (65) tahun;
2. Anak berumur Harijadi Akan Datang antara enam (6) bulan hingga tujuh belas (17) tahun;
3. Warganegara Brunei atau Pemastautin di Brunei Darussalam.

BAHAGIAN 4: PERLINDUNGAN**1. PERLINDUNGAN ASAS: MANFAAT KEMATIAN**

(i) Sekiranya Peserta meninggal dunia sebelum Tarikh Matang Sijil sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual, Syarikat akan membayar manfaat takaful sebagai berikut:-

(a) Kepada Wasi atau Penerima Hibah, semua baki yang kena dibayar kepada Peserta yang telah meninggal dunia daripada Akaun Peserta/Dana Pelaburan Pesertanya sebelum tarikh kematiannya seperti yang dinyatakan dalam 12(i); dan

(b) Kepada Penerima Manfaat, baki ansuran caruman takaful bagi tempoh daripada tarikh kematiannya sehingga tarikh matang Sijil.

(ii) Bayaran manfaat takaful dari Akaun Khas Peserta/Dana Risiko Peserta adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-

- (a) Bahawa keterangan dan butir-butir yang diberi dan diperakukan oleh Peserta dalam borang cadangan dan akaun adalah benar dan betul;
- (b) Bahawa kematian Peserta bukanlah disebabkan atau akibat dari pengecualian-pengecualian;
- (c) Bahawa Peserta tidak membuat permohonan, bertulis atau apa-apa yang lain, bagi menyerahkan Sijil sebelum tarikh kematiannya;
- (d) Bahawa pada tarikh kematiannya, bayaran semua caruman takaful yang kena dibayar olehnya telah dibayar dengan sempurna.

2. PERJANJIAN-PERJANJIAN TAMBAHAN

Endosmen-endosmen berikut hanya sah bagi Sijil ini sekiranya ia dinyatakan secara khusus dalam Jadual dan adalah tertakluk kepada terma-terma Sijil ini (selepas ini disebut "Sijil Asas")

Fasal-fasal berikut adalah tambahan kepada Sijil sebagai balasan kepada permohonan dan pembayaran sumbangan tambahan pada tarikh kena bayar seperti yang dinyatakan dalam jadual.

PTD9304: FASAL MANFAAT KEILATAN KEKAL SELURUH TUBUH BADAN

Setelah diterima dan diluluskan bukti bahawa Peserta di bawah Sijil Asas dan Fasal ini, mengalami Keilatan Kekal Seluruh Badan, Syarikat, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan lain dalam Fasal ini, membayar kepada Peserta bayaran pendahuluan seperti berikut:

Sijil Takaful Pelajaran

Asas akan dibayar setiap tahun pada setiap ulangtahun Sijil selepas tarikh bermulanya kejitatan sebagaimana yang ditakrifkan.

Sijil Takaful Pelajaran

Pembayaran wang pendahuluan tersebut hanya akan dilakukan atas pengeluaran Sijil untuk endosmen dan manfaat takaful untuk kematian di bawah Sijil Asas akan dikurangkan dengan jumlah wang pendahuluan yang dibuat berkaitan dengan Sijil Asas tersebut.

Meskipun bertentangan dengan perjanjian yang sudah ada sebelumnya, semua pembayaran pendahuluan tersebut akan dikenakan potongan jumlah yang belum dilunaskan mengikut Sijil Asas.

Pembayaran pendahuluan hanya akan dibayar selama Keilatan berlanjutan sebagaimana ditakrifkan, dan bilangan pembayaran pendahuluan itu tidak harus melebihi sepuluh(10) kali.

Jika selama Keilatan sedang berlanjutan dan sebelum sepuluh (10) kali pembayaran pendahuluan, Peserta meninggal dunia, Syarikat tertakluk kepada bukti akan membayar baki manfaat takaful untuk kematian di bawah Sijil Asas. Syarikat berhak untuk menukar manfaat tahunan dan membayar sekaligus.

Manfaat Keilatan tamat jika Orang yang Dilindungi mencapai umur enam puluh (60) tahun.

Jika berlaku Kematian dan Keilatan Kekal Seluruh Tubuh Badan, tanggungan Syarikat adalah terhad kepada satu kejadian sahaja yang mana terdahulu.

ADD9304: FASAL KEMATIAN KEMALANGAN DAN KEILATAN KEKAL

Syarikat akan membayar kepada Peserta atau warisnya sebagai Penerima Manfaat bagi pihak Orang yang Dilindungi, sejumlah wang seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat jika sekiranya mana-mana Orang yang Dilindungi mendapat Kecederaan Tubuh Badan yang disebabkan oleh kemalangan luaran yang hebat dan tidak sengaja dan dengan cara yang boleh dilihat yang bebas daripada sebab-sebab lain yang mengakibatkan:

- A. **KEMATIAN** yang berlaku dalam tempoh dua belas (12) bulan daripada kecederaan tubuh badan seperti yang tersebut di atas.
- B. **KEILATAN KEKAL** seperti yang disenaraikan dalam Jadual Manfaat yang berlaku dalam tempoh dua belas (12) bulan daripada kecederaan tubuh badan seperti yang tersebut di atas.

Jika semasa Keilatan, berlaku kematian Orang yang Dilindungi, Syarikat tertakluk kepada bukti, membayar baki manfaat Kematian Kemalangan yang kena dibayar dibawah Sijil Asas.

Manfaat Keilatan tamat jika Orang yang Dilindungi mencapai umur enam puluh (60) tahun.

Jika berlaku Kematian Kemalangan dan Keilatan Kekal disebabkan kemalangan, tanggungan Syarikat adalah terhad kepada satu kejadian sahaja yang mana terdahulu.

HOB9304: FASAL MANFAAT TUNAI WAD HOSPITAL

Sekiranya mana-mana Orang yang Dilindungi di bawah Fasal ini dimasukkan ke dalam mana-mana wad hospital seperti yang ditakrifkan kemudian daripada ini, atas perakuan seorang Doktor, Syarikat atas penerimaan dan kelulusan bukti, akan membayar Manfaat Tunai Wad Hospital sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Sijil Asas bagi:-

- i. Penyakit yang menyerang selepas tiga puluh (30) hari daripada tarikh mula masuk, atau pada tarikh penguatkuasaan semula Fasal ini, yang mana terkemudian, kecuali Orang yang Dilindungi yang tertakluk kepada syarat ini telah pun dilindungi di bawah Sijil Asas untuk jangkamasa dua belas (12) bulan berterusan, di mana Orang yang Dilindungi itu dimasukkan ke wad hospital hendaklah sekurang-kurangnya selama tiga (3) hari berterusan tetapi tidak melebihi lima puluh dua (52) minggu atau
- ii. Kecederaan yang menimpa selepas tarikh mula masuk, atau pada tarikh penguatkuasaan semula Fasal ini, yang mana terkemudian, di mana Orang yang Dilindungi hendaklah dimasukkan ke wad hospital untuk tempoh sekurang-kurangnya tiga (3) hari berterusan, tetapi tidak melebihi lima puluh dua (52) minggu.

Dalam apa-apa jua keadaan sekalipun, Syarikat tidak akan membayar lebih daripada satu Manfaat Tunai Hospital bagi setiap hari kemasukan ke wad hospital.

Manfaat Tunai Wad Hospital tamat jika Orang yang Dilindungi mencapai umur tujuh puluh (70) tahun.

FRS 0412 / FRC 0102: MANFAAT TAMBAHAN UNTUK PASANGAN DAN ANAK-ANAK

Sekiranya orang yang disebut sebagai Pasangan dan Anak-Anak seperti yang ditakrifkan meninggal dunia sebelum Tarikh Matang Sijil, Syarikat akan membayar kepada Peserta manfaat takaful sebagaimana dalam Jadual.

3. PERTUKARAN PEKERJAAN

Tanpa mengabaikan perkara yang bertentangan di dalam dokumen ini, maka dengan ini bersetuju bahawa Syarikat mempunyai hak untuk menolak apa-apa tuntutan berikutan kehilangan atau keilangan yang secara langsung, seluruh atau sebahagiannya, disebabkan pertukaran pekerjaan dari pekerjaan yang tidak merbahaya kepada pekerjaan yang lebih merbahaya yang mana Syarikat tidak diberitahu. Adalah menjadi kewajipan Peserta untuk memberitahu Syarikat setiap pertukaran pekerjaan selepas pengeluaran Perjanjian Tambahan.

Perjanjian Tambahan ini hanya berkuatkuasa dari tarikh endosmen ke atas Sijil Asas kecuali ianya dikeluarkan pada waktu Pengeluaran Sijil Asas dan dirujuk kepadanya di dalam Jadual.

4. PEMBAHARUAN

Perjanjian Tambahan ini boleh diperbaharui dengan membayar sumbangan takaful secara pendahuluan berdasarkan kadar yang dikirakan semasa pembaharuan Perjanjian Tambahan.

Sijil Takaful Pelajaran

Syarikat mempunyai hak untuk meningkatkan Sumbangan takaful berdasarkan Perjanjian Tambahan pada bila-bila masa dengan memberikan tiga puluh (30) hari notis secara bertulis kepada Peserta.

Syarikat mempunyai hak untuk membatalkan Perjanjian Tambahan ini pada bila-bila masa dengan memberikan tujuh (7) hari notis bertulis kepada Peserta. Apabila Perjanjian Tambahan ini dibatalkan, Syarikat akan mengembalikan sebahagian daripada sumbangan takaful yang telah dibayar tetapi belum digunakan. Pembatalan akan dilakukan tanpa wasangka kepada setiap tuntutan yang timbul sebelum dari tarikh pembatalan.

5. PENAMATAN PERLINDUNGAN

Perjanjian Tambahan ini dengan sendirinya akan tamat :-

- (a) Jika ada sumbangan takaful untuk Perjanjian Tambahan ini dan pada Sijil Asas yang belum dibayar pada akhir Tempoh Menjelaskan Bayaran;
- (b) Jika Sijil Asas matang atau diserahkan;
- (c) Apabila jumlah keseluruhan 100% manfaat telah dibayar, yang mana terdahulu.

Penamatan Perjanjian Tambahan ini harus berlaku tanpa wasangka terhadap setiap tuntutan yang timbul sebelum penamatan tersebut. Pembayaran atau penerimaan apa-apa sumbangan takaful setelah pemberhentian Perjanjian Tambahan ini tidak akan membuatkan Syarikat menanggung apa-apa liabiliti bahkan Syarikat mesti mengembalikan kesemua sumbangan takaful tersebut.

6. PENGUATKUASAAN SEMULA

Jika Perjanjian Tambahan ini tamat berikutan bayaran sumbangan takaful yang tertunggak. Ia mungkin dikuatkuasakan semula dengan kelulusan daripada Syarikat. Penguatkuasaan semula tersebut akan melindungi kehilangan disebabkan oleh Kecederaan kemalangan yang berlaku selepas itu.

Perjanjian Tambahan ini hanya berkuatkuasa dari tarikh endosmen ke atas Sijil Asas kecuali ianya dikeluarkan pada waktu Pengeluaran Sijil Asas dan dirujuk kepadanya di dalam Jadual.

JADUAL MANFAAT-MANFAAT KEMATIAN DISEBABKAN KEMALANGAN / KEILATAN KEKAL

Keterangan Kecederaan	Peratusan Perlindungan
1. Hilang Nyawa	100%
2. Hilang Penglihatan (a) Kedua-dua mata	100%

Sijil Takaful Pelajaran

(b) Sebelah mata	50%
3. Hilang Pendengaran	
(a) Kedua-dua telinga	100%
(b) Sebelah telinga	50%
4. Hilang Upaya Bercakap	50%
5. Hilang Tangan	
(a) Pada bahu	50%
(b) Bawah pergelangan tangan	50%
6. Hilang kaki	
(a) Pada pengkal paha	50%
(b) Di bawah paras lutut	50%
7. Hilang	
(a) Empat batang jari dan ibu jari sebelah tangan	50%
(b) Empat batang jari sebelah tangan	40%
(c) Ibu jari	
- Kedua-dua ruas	25%
- Satu ruas	10%
(d) Jari Telunjuk	
- Ketiga-tiga ruas	10%
- Kedua-dua ruas	8%
- Satu ruas	4%
(e) Jari Hantu	
- Ketiga-tiga ruas	6%
- Kedua-dua ruas	4%
- Satu ruas	2%
(f) Jari Manis	
- Ketiga-tiga ruas	5%
- Kedua-dua ruas	4%
- Satu ruas	2%
(g) Jari Kelingking	
- Ketiga-tiga ruas	4%
- Kedua-dua ruas	3%
- Satu ruas	2%
(h) Tulang Tapak Tangan	
- Pertama atau kedua (tambahan)	3%
- Ketiga, Keempat atau kelima (tambahan)	2%
(i) Jari Kaki	
- Kesemua	15%
- Ibu Jari, Kedua-dua ruas	5%
- Ibu Jari, satu ruas	2%
- Lain-lain jari, sekiranya lebih dari sebatang, tiap-tiap jari	1%

Hilang upaya kekal mana-mana anggota akan dikira sebagai hilang anggota tersebut.

Sijil Takaful Pelajaran

Sekiranya keilangan tidak tercatat di atas selain daripada hilang deria rasa atau bau, Syarikat akan mengambil peratusan keilangan yang mana menurut pendapat Syarikat selari dengan peruntukan di atas dan tanpa mengambil kira pekerjaan Orang yang Dilindungi.

Jumlah keseluruhan peratusan layak dibayar berkaitan dengan satu-satu kemalangan dan dalam setiap tempoh Takaful tidak boleh melebihi 100% daripada jumlah perlindungan.

Jika sekiranya Peserta itu layak dibawah Fasal Keilangan Kekal Seluruh Tubuh Badan dan Keilangan Kekal akibat kemalangan, maka jumlah manfaat hanya akan dibayar dibawah satu Fasal sahaja iaitu mengikut mana yang lebih besar jumlahnya.

BAHAGIAN 5: PENGECUALIAN - PENGECUALIAN**1. MANFAAT KEMATIAN**

Syarikat tidak akan membayar manfaat takaful jika kematian Peserta disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada:

- a. Keadaan- keadaan sedia ada sebagaimana ditakrifkan dan/atau sebagaimana dipersetujui oleh pihak Syarikat secara bertulis sebelum Tarikh Kuatkuasa Sijil;
- b. Peperangan, pelanggaran, tindakan musuh asing, permusuhan atau operasi-operasi berupa peperangan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan tentera, kegemparan awam yang menyumbang kepada rusuhan tentera, kebangkitan, pemberontakan, rampasan kuasa atau apa sahaja tindakan atau orang yang bertindak bagi pihak atau yang berkaitan dengan mana-mana pertubuhan yang bergiat ke arah penggulingan secara kekerasan mana-mana kerajaan atau mempengaruhinya dengan menggunakan keganasan atau kekerasan;
- c. Mana-mana tindakan yang menyalahi undang-undang atau tindakan tersebut dilarang oleh undang-undang dan/atau Prinsip Syariah;
- d. Bunuh diri;
- e. Berada di bawah pengaruh arak, penyalahgunaan dadah, bahan-bahan yang mengkhayalkan; sama ada ianya ada atau tidak di dalam had yang ditetapkan di dalam undang-undang.
- f. Secara langsung atau tidak langsung dijangkiti penyakit Sindrom Kurang Daya Tahan (AIDS) atau yang berkaitan dengannya.

2. KEILATAN KEKAL SELURUH TUBUH BADAN DAN KEMATIAN KEMALANGAN

Syarikat tidak akan membayar manfaat takaful jika Keilatan Kekal Seluruh Badan atau Kematian Kemalangan Peserta disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada:

- a. Keadaan- keadaan sedia ada sebagaimana ditakrifkan dan/atau sebagaimana dipersetujui oleh pihak Syarikat secara bertulis sebelum Tarikh Kuatkuasa Sijil;
- b. Peperangan, pelanggaran, tindakan musuh asing, permusuhan atau operasi-operasi berupa peperangan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan tentera, kegemparan awam yang menyumbang kepada rusuhan tentera, kebangkitan, pemberontakan, rampasan kuasa atau apa sahaja tindakan atau orang yang bertindak bagi pihak atau yang berkaitan dengan mana-mana pertubuhan yang bergiat ke arah penggulingan secara kekerasan mana-mana kerajaan atau mempengaruhinya dengan menggunakan keganasan atau kekerasan;

Sijil Takaful Pelajaran

- c. Mana-mana tindakan yang menyalahi undang-undang atau tindakan tersebut dilarang oleh undang-undang dan/atau Prinsip Syariah;
- d. Cubaan membunuh diri atau kecederaan yang dilakukan oleh diri sendiri samada dalam keadaan waras atau gila;
- e. Mana-mana pelanggaran undang-undang oleh Peserta termasuk yang mengakibatkan hukuman penjara atau pencerobohan berpunca daripadanya;
- f. Berada di bawah pengaruh arak, penyalahgunaan dadah, bahan-bahan yang mengkhayalkan; sama ada ianya ada atau tidak di dalam had yang ditetapkan di dalam undang-undang.
- g. Penerbangan, gelungsur angin atau apa-apa jenis penerbangan udara selain daripada penumpang yang membayar tambang biasa daripada syarikat penerbangan atau perkhidmatan charter yang diiktiraf;
- h. Penyertaan atau latihan yang merbahaya atau latihan jenis sukan atau pertandingan yang merbahaya atau menunggang atau memandu dalam apa jua jenis perlumbaan atau pertandingan yang merbahaya;
- i. Penglibatan dalam mana-mana kegiatan dalam air yang menggunakan alat-alat pernafasan;
- j. Kecederaan yang disebabkan oleh letusan nuklear, gabungan nuklear, bahan senjata nuklear atau pencemaran radioaktif;
- k. Perkhidmatan dalam apa-apa jenis kedudukan dalam mana-mana perkhidmatan tentera laut, tentera darat, tentera udara, polis atau anggota keselamatan;
- l. Secara langsung atau tidak langsung dijangkiti penyakit Sindrom Kurang Daya Tahan (AIDS) atau yang berkaitan dengannya;
- m. Mana-mana keilangan kekal Orang yang Dilindungi selepas berumur enam puluh (60) tahun.

3. MANFAAT TUNAI WAD HOSPITAL

Sebagai tambahan kepada Pengecualian Am dibawah Sijil Asas, Fasal ini tidak melindungi manfaat tunai wad hospital berkaitan dengan:-

- a. Penyakit yang dihadapi semasa tempoh waktu menunggu tiga puluh (30) hari dari tarikh kuatkuasa Sijil atau Endosmen;
- b. Keadaan- keadaan sedia ada sebagaimana ditakrifkan dan/atau sebagaimana dipersetujui oleh pihak Syarikat secara bertulis sebelum Tarikh Kuatkuasa Sijil;
- c. Hamil, keguguran atau melahirkan;

Sijil Takaful Pelajaran

- d. Kerosakkan mental atau saraf, arak, penyalahgunaan dadah; sama ada ianya ada atau tidak di dalam had yang ditetapkan di dalam undang-undang.
- e. Pembedahan kosmetik atau plastik atau sebarang pembedahan elektif atau keganjilan konjanital;
- f. Pemeriksaan atau pembedahan gigi kecuali yang diperlukan akibat kecederaan bersabit daripada kemalangan;
- g. Pemeriksaan kesihatan biasa, pemulihan, atau penjagaan rehat;
- h. Mana-mana wad hospital Orang yang Dilindungi selepas berumur tujuh puluh (70) tahun.

4. MANFAAT TAMBAHAN UNTUK PASANGAN DAN ANAK-ANAK

Sebagai tambahan kepada Pengecualian Am di bawah Sijil Asas, Fasal ini tidak akan membayar manfaat takaful jika kematian Orang yang Dilindungi disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada:

- a. Keadaan- keadaan sedia ada sebagaimana ditakrifkan dan/atau sebagaimana dipersetujui oleh pihak Syarikat secara bertulis sebelum Tarikh Kuatkuasa Sijil;
- b. Peperangan, pelanggaran, tindakan musuh asing, permusuhan atau operasi-operasi berupa peperangan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan tentera, kegemparan awam yang menyumbang kepada rusuhan tentera, kebangkitan, pemberontakan, rampasan kuasa atau apa sahaja tindakan atau orang yang bertindak bagi pihak atau yang berkaitan dengan mana-mana pertubuhan yang bergiat ke arah penggulingan secara kekerasan mana-mana kerajaan atau mempengaruhinya dengan menggunakan keganasan atau kekerasan;
- c. Mana-mana tindakan yang menyalahi undang-undang atau tindakan tersebut dilarang oleh undang-undang dan/atau Prinsip Syariah;
- d. Bunuh diri;
- e. Berada di bawah pengaruh arak, penyalahgunaan dadah, bahan-bahan yang mengkhayalkan; sama ada ianya ada atau tidak di dalam had yang ditetapkan di dalam undang-undang.
- f. Secara langsung atau tidak langsung dijangkiti penyakit Sindrom Kurang Daya Tahan (AIDS) atau yang berkaitan dengannya.

BAHAGIAN 6: TUNTUTAN**1. NOTIS TUNTUTAN**

Notis secara bertulis mengenai kejadian yang menjadi asas kepada tuntutan di bawah Sijil ini mesti dikemukakan dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh kejadian berkenaan.

Dengan syarat bahawa Peserta telah mengalami Keilatan Kekal Seluruh Tubuh Badan, di atas bukti kukuh dan nyata hendaklah diserahkan kepada Syarikat selepas enam (6) bulan dan dalam tempoh sembilan (9) bulan daripada tarikh berlakunya Keilatan tersebut. Walau bagaimanapun kegagalan untuk mengemukakan notis dalam tempoh yang dinyatakan tidak akan membatalkan tuntutan jika dapat dibuktikan adalah tidak munasabah bagi Peserta mengemukakan notis dalam tempoh tersebut dan notis tersebut telah dikemukakan dalam tempoh yang berpatutan.

2. PEMERIKSAAN

Syarikat mempunyai hak dan kesempatan melalui wakil perubatannya untuk memeriksa Orang yang Dilindungi bila dan seberapa kerap yang ia dapati munasabah semasa atau dalam tempoh proses tuntutan dibuat dibawah Sijil ini, dan bagi kes kematian, untuk menyiasat punca kematian tersebut.

3. BUKTI TUNTUTAN

Semua dokumen, maklumat, dan bukti yang diperlukan oleh Syarikat hendaklah dibuat atas perbelanjaan orang yang membuat tuntutan dan dalam bentuk dan sifat yang ditentukan oleh Syarikat.

Walaupun bukti keilatan mungkin telah diterima baik oleh Syarikat, Syarikat berhak untuk menuntut, daripada Peserta bukti mengenai kelangsungan Keilatan tersebut, bila-bila masa dan sekerap mana ianya dirasakan perlu, jika Peserta gagal untuk mengemukakan bukti tersebut, atau jika Peserta berhenti daripada menderita keilatan tersebut, Syarikat berhak untuk menghentikan bayaran manfaat tahunan selanjutnya.

4. PEMBAYARAN TUNTUTAN

Apa-apa pembayaran di bawah Sijil ini akan dibayar kepada Peserta atau Wasi atau Penerima Hibah atau Penerima Manfaat dan orang yang menuntut harus bertanggungjawab bagi apa-apa duti harta pusaka yang mungkin dikenakan ke atasnya. Apa-apa resit atau pelepasan yang diberikan oleh orang yang menuntut kepada Syarikat bagi mana-mana manfaat di bawah Sijil ini akan dianggap sebagai muktamad dan pelepasan sepenuhnya semua tanggungan Syarikat.

5. PENIPUAN TUNTUTAN

Jika tuntutan dalam hal apapun adalah penipuan atau jika ada isytiharan palsu dibuat atau digunakan untuk menyokongnya, atau jika apa-apa cara penipuan atau helah digunakan oleh Peserta atau siapa-siapa sahaja yang bertindak bagi pihaknya untuk mendapatkan apa-apa manfaat di bawah Sijil ini, atau jika tuntutan disebabkan oleh tindakan sengaja atau dengan sepakatan Peserta, semua manfaat di bawah ini Sijil akan terbatal. Jika ada bayaran yang telah dibuat oleh Syarikat, maka Syarikat mempunyai hak untuk mendapat semula bayaran tersebut serta mengambil tindakan undang-undang terhadap Peserta.

6. TINDAKAN UNDANG-UNDANG

Tiada tindakan undang-undang atau yang sebanding boleh diambil untuk mendapatkan bayaran tuntutan sebelum tamatnya tempoh satu (1) tahun atau setelah luput dua (2) tahun daripada tarikh bermulanya kejadian.

BUTIRAN PERHUBUNGAN TUNTUTAN

Sila hubungi:

Jabatan Tuntutan,
Unit 1 & 2 Kompleks Seri Kiulap,
Kg.Kiulap, Gadong,
Bandar Seri Begawan BE1318,
Negara Brunei Darussalam

No. Telefon : +673 2231 100

Naskhah Bahasa Inggeris adalah Sijil yang sah dan akan dirujuk sekiranya timbul apa-apa pertikaian daripada Sijil ini.